

# **MEDIA SOSIAL DAN ISU KESEDARAN DAN PENGAWASAN KESELAMATAN DALAM KALANGAN BELIA LUAR BANDAR DI DAERAH DARO**

**Haslina Abu Bakar<sup>1</sup>& Mohd Mahzan Awang<sup>2</sup>**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

[haslinahamsiah@gmail.com](mailto:haslinahamsiah@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam penggunaan media sosial dalam kalangan belia luar bandar di Daerah Daro. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soalselidik yang melibatkan 100 orang sampel yang dipilih secara rawak dari kalangan belia di luar bandar di Daerah Daro, Sarawak. Analisis data dengan menggunakan SPSS versi 22. Hasil kajian rintis menggunakan analisis Crobanch Alfa. Ini menunjukkan keseluruhan item berada di tahap keboleh percayaan paling tinggi di antara 0.8-0.9. Hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan belia tinggi. Selain itu, pekali korelasi tiada menunjukkan signifikan penggunaan media sosial dengan isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan pelajar tetapi menunjukkan tahap sederhana.

Kata kunci: media sosial,belia,kesedaran dan pengawasan keselamatan

This study aims to identify issues of awareness and security surveillance using media social among rural youths in the Daro District. This study was using questionnaires involving 100 sample randomly selected youth from rural areas in Daro District, Sarawak. Data analysis using SPSS version 22. The results of pilot study using Crobanch Alfa analysis. This shows the entire item is at the highest confidence level between 0.8-0.9. The results showed that the level of awareness and security surveillance among the youths was high. In addition, correlation coefficients do not show significant use of social media with issues of awareness and security surveillance among students but show moderate.

Key words: social media, awareness and security

## **Pengenalan**

Belakangan ini, media sosial dilihat sebagai satu medium baharu untuk masyarakat tidak kira di bandar di luar bandar yang mempunyai capaian jaringan internet. Sebelum ini jaringan sosial boleh dirujuk mengikut konteks teknologi 2.0. Media sosial dan jaringan sosial diguna untuk menjelaskan pendefinisian yang sama. O'Reilly (2005) telah mendefinisikan bahawa Web 2.0 mempunyai ciri “pembangunan perisian yang membolehkan penglibatan massa dalam aktiviti sosial dan kolektif.” Jaringan sosial ini wujud daripada keupayaan pengguna untuk mewakili diri dan minat mereka dalam platform sosial dan mengiatkan aktiviti dengan yang lain dalam saluran media sosial ini.

Di Malaysia, kebanyakkan pengguna menggunakan media sosial untuk berkomunikasi. Menurut Fallow (2004) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa kebanyakkan pengguna Internet memasuki internet untuk melakukan aktiviti harian mereka, terutama untuk berkomunikasi. Data daripada Internet World Stat ([www.internetworldstats.com](http://www.internetworldstats.com)) menunjukkan jumlah pengguna media baharu ini meningkat setiap tahun. Statistik menunjukkan peningkatan pengguna Internet di seluruh dunia antara tahun 2000 hingga 2009, menunjukkan peningkatan sebanyak 339.3% dan kebanyakan 42.4% pengguna Internet adalah dari Asia. Malaysia juga telah tergolong dalam Top 10 di Asia dengan 16.9 juta pengguna pada tahun 2009. Ini menunjukkan pengguna akan bertambah setiap hari dan ia menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat Malaysia amnya.

Penggunaan Internet di Malaysia turut mempengaruhi cara hidup mereka. Mereka kebanyakkan menggunakan medium ini untuk berkomunikasi secara mudah. Teknologi komunikasi moden ini membolehkan orang ramai berurus dalam talian dengan pelbagai cara. Pengguna di Malaysia tidak terhad lagi kepada blog, tetapi menunjukkan penglibatan pengguna internet di Malaysia cenderung dalam aktiviti jaringan sosial seperti berkongsi foto, mblog, muat naik video, dan pelbagai interaksi lain dengan media yang baharu ini. Menurut kaji selidik Accenture ([www.socialnetworkingwatch.com](http://www.socialnetworkingwatch.com)), 85% responden di Malaysia menggunakan jaringan sosial dalam talian ini sekurang-kurangnya sekali-sekala diikuti dengan India (83%), Singapura (81%), Amerika Syarikat (75%), China (73%), Jerman (52%), Perancis (50%), dan Jepun (28%). Secara umum tujuan kajian ini ialah untuk menyediakan maklumat tentang penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar di luar bandar Daerah Daro.

## **Kajian Literatur**

Media sosial adalah sebahagian dari teknologi yang telah dibangunkan oleh Web 2.0 yang sedang meningkat naik permintaannya. Spallek et.al (2010) menyatakan bahawa media yang sangat popular digunakan di seluruh dunia adalah blog, laman sosial dan wikipedia. Ketika media ini sedang membangun, teknologi baharu mempengaruhi prosedur dalam mempengaruhi pelbagai bidang. Media sosial merupakan sebagai satu alat untuk berkolaborasi, berhubung dari berbagai media elektronik antara individu yang meluas dan melangkau geografi dan lingkungan sosial. Pelbagai definisi yang telah dinyatakan untuk memberi maksud media sosial. Penyelidik Kaplan Haenlein (2010) telah memberikan definisi umum tentang media sosial seperti web 2.0 dan kandungan yang dibuat untuk pengguna. Kaplein menyatakan

bahawa media sosial adalah satu kelompok aplikasi berasaskan internet yang dibangun atas ideologi dan teknologi web 2.0 yang memungkinkan penciptaan dan pertukaran *user-generated content*.

Media sosial merupakan sebagai alat perhubungan dan ini turut mendapat sokongan oleh Par (2010) menyatakan bahawa media sosial sebagai penggunaan alat-alat elektronik dan internet untuk tujuan berbagi informasi dan kejadian yang lebih efisien dengan orang lain. Pendapat Jantsch (2008) menganggap media sosial sebagai penggunaan teknologi yang dikombinasikan dengan interaksi sosial untuk menghasilkan sesuatu, atau untuk penghasilan nilai. Media sosial juga dilihat sebagai satu saluran untuk menonjolkan kreativiti, menyampaikan maklumat secara maya kepada setiap orang. Sokongan telah diberi oleh Dykeman (2008) menjelaskan bahawa media sosial adalah keperluan bagi setiap orang untuk memberi pendedahan secara maya, berkarya, memberi ruang dan mendapat sambungan melalui *life-time* melalui perbincangan online, pendapat dan evolusi dengan menggabungkan perubahan atau memberi pendedahan kandungan asli.

Penggunaan teknologi media sosial berasaskan laman sesawang merupakan satu saluran media yang berkomunikasi. Walaupun pelbagai definisi, secara asasnya ada tiga unsur yang mendasari yang menyokong kemampuan media sosial. Kandungan, komunikasi dan Web 2.0. Media sosial bergantung sepenuhnya kepada teknologi. Melalui teknologi web 2.0 membolehkan orang untuk menggunakan berbagai-bagi platform untuk berkongsi dan berbincang.

### **Kegunaan Media Sosial**

Perkembangan Internet, Web 2.0 dan teknologi tanpa wayar memudahkan para pengguna untuk mengakses dan mengguna pelbagai aplikasi dalam talian pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Bukan itu sahaja, pertumbuhan pelbagai syarikat telekomunikasi yang menyedia dan menawarkan berbagai jenis perkhidmatan pakej Internet dengan harga yang rendah, membolehkan semua pengguna telefon pintar mampu melanggarinya untuk tujuan berkomunikasi, berkongsi maklumat dan sebagainya. Selain tawaran kemudahan akses Internet, pengguna juga perlu mengetahui bahawa perkembangan teknologi dan media baharu memberi implikasi tersendiri dalam kehidupan sosial masyarakat digital pada hari ini. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi media sosial telah merubah cara manusia berinteraksi dalam sesebuah masyarakat bermaklumat melalui satu platform jaringan Internet yang besar di seluruh dunia.

Seperti dinyatakan oleh Marwick (2012), pengguna begitu mudah untuk mendapat maklumat peribadi pengguna yang lain melalui aplikasi jaringan sosial seperti Twitter, Facebook dan Foursquare. Aktiviti pendedahan maklumat oleh belia ini sebenarnya disebabkan oleh hobi dan minat untuk menjalin hubungan secara dalam dengan lebih baik lagi. Antara maklumat yang biasa dipapar dan dikongsi adalah seperti maklumat yang berkaitan sekolah, majikan, dan maklumat peribadi. Bagi golongan belia atau pengguna golongan muda, sesetengah pengguna tidak mengendahkan kepentingan keselamatan dan privasi diri sendiri ketika berkongsi maklumat peribadi yang sensitif kepada awam (Kumar et al. 2006). Sebagai contoh, perkongsian maklumat peribadi paling kerap dilakukan melalui profil pengguna kepada rakan-rakan melalui aplikasi media sosial.

Aplikasi dibangunkan untuk memberi peluang kepada pengguna berkomunikasi, mengakses, berkongsi, serta menyebarkan informasi kepada pengguna lain di seluruh dunia. Pembangunan sistem atau aplikasi secara dalam talian ini membawa perubahan kepada kehidupan harian masyarakat dalam memproses, berkongsi dan penyebaran maklumat (Mohd Azul Mohamad Salleh et al., 2016). Selain itu, pembangunan teknologi sebegini juga merancakkan lagi pembentukan sebuah masyarakat abad ke 21 yang baharu, iaitu masyarakat digital atau masyarakat jaringan. Impak dari perkembangan perkakasan dan peralatan pintar yang boleh mengakses Internet juga telah menyedia satu platform perkongsian maklumat dalam satu jaringan yang cukup besar dalam kalangan pengguna. Sebagai contoh, melalui aplikasi media sosial pengguna dapat membaca, berkongsi dan mengetahui apa yang dipaparkan, serta aktiviti serta perkembangan seseorang pengguna yang lain di media sosial tertentu (Andrews, 2011).

Kaplan dan Haenlein (2010) menyifatkan aplikasi media sosial merupakan satu media yang dibentuk berasaskan interaksi sosial, dan dibangun untuk memudahkan proses capaian dan akses kepada maklumat yang dikongsi. Media sosial yang berasaskan penggunaan Internet dan teknologi Web membolehkan sistem penyiaran media yang sehalas transformasikan kepada sistem dialog yang lebih aktif dan interaktif. Sifat media sosial yang lebih interaktif dengan adanya ciri interaktiviti dapat mempertingkatkan kepuasan komunikasi secara dalam talian (Mohd Azul Mohamad Salleh, 2012), dan menyebabkan ia menjadi unik dan lebih dinamik kandungannya berbanding dengan media lain. Media sosial juga memberikan ruang dan kuasa kepada pengguna untuk mengekspresikan diri sendiri dan berhubung

Pew Research Center (2013) menyatakan bahawa pengguna laman sosial cenderung untuk berkongsi pelbagai maklumat peribadi secara dalam talian. Seterusnya, Madden et al. (2013) pula menyatakan pengguna mengelak daripada menggunakan beberapa aplikasi di telefon pintar dan tablet disebabkan kegusaran mengenai aspek keselamatan seperti privasi ketika berkomunikasi dan berkongsi maklumat secara dalam talian. Isunya disini, sejauhmana pengguna aplikasi media sosial mempunyai pengalaman, kesedaran, kefahaman dan pengetahuan bahawa wujudnya satu konsep pengawasan yang boleh menganggu privasi ketika menggunakan. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan pengalaman pengguna aplikasi media sosial dalam kalangan golongan dewasa terhadap isu pengawasan.

Aplikasi dan teknologi media digital telah memberi impak, pembaharuan serta penambahbaikan dalam landskap media pada masa kini. Sebagai contoh, industri hiburan pada masa kini banyak menggunakan media digital terutama dalam membangun kandungan kreatif media seperti penghasilan kandungan media animasi, permainan komputer/video dan filem. Perkembangan media digital ini dirancakkan lagi dengan adanya Internet dan media sosial yang menyebabkan fungsi media digital ini semakin luas digunakan. Selain itu, media sosial juga banyak membantu melengkapkan kemampuan untuk berinteraksi iaitu kebolehan untuk berkomunikasi secara dua hala antara pengguna yang merentasi sempadan masa dan jarak secara dalam talian.

Urusan menjadi lebih mudah dengan adanya bantuan media sosial tanpa memerlukan pengguna untuk bergerak ke tempat lain untuk menyelesaikan sesuatu urusan. Perkembangan ini sekaligus mentransformasi penggunaan pelbagai peralatan dan aplikasi media baharu secara positif dalam kalangan

pengguna. Walau bagaimana pun, jika ia tidak digunakan dengan sebaiknya, teknologi dan aplikasi media baharu ini akan memberi kesan sampingan yang negatif kepada kepelbagai tahap umur pengguna. Pengguna pada hari ini gemar dan mudah untuk berkongsikan maklumat peribadi dengan saudara mala dan rakan-rakan melalui media baharu seperti aplikasi media sosial. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi Facebook dapat memudahkan pengguna untuk menjalankan hubungan dan membina rangkaian hubungan peribadi dengan pengguna lain.

### **Teori-Teori**

#### **i. Interaksi Simbolik.**

Teori yang boleh dikaitkan dengan kajian ini ialah menggunakan teori interaksi simbolik. Teori ini merupakan hasil pemikiran, diri dan masyarakat. George Herbert Mead telah menyatakan bahawa interaksi simbolik merupakan satu interaksi antara manusia, sama ada secara lisan atau bukan lisan untuk memberi maksud atau makna. Ini memberi maksud bahawa aksi dan tindakbalas dari individu lain secara tidak langsung akan memberikan maksud atau makna dalam kata-kata atau sesuatu tindakan yang sedia ada. Secara asasnya, teori ini adalah memberi kepentingan dan bermakna dalam sikap dan perilaku manusia dan konsep diri, hubungan antara seseorang individu dengan masyarakat.

Tiga konsep yang ditekankan dalam pemikiran teori interaksi simbolik adalah terdiri daripada masyarakat terdiri atas perilaku yang saling bekerja sama antara para anggotanya. Mead telah menyatakan bahawa masyarakat terwujud atau wujud dengan adanya simbol berupa isyarat dari tubuh. Mereka mampu untuk mengetahui maksud dan bertindak balas terhadap apa yang dihasilkan melalui simbol. Selain itu, interaksi simbolik ini adalah individu berinteraksi dengan individu lainnya sehingga mampu menghasilkan sesuatu idea tertentu tentang diri. Dalam teori ini turut menekan tiga dimensi. Dimensi pertama yang menunjukkan aspek dari diri yang akan ditunjukkan kepada orang luar (privasi), manakala dimensi kedua adalah realisasi atau sumber.

Teori ini menekan kepada menyatakan bahawa kita memiliki diri kerana kita dapat menganggap diri sebagai objek. Satu-satunya syarakat agarsesuatu menjadi objek adalah dengan cara memberikan nama dan menunjukkan secara simbol. Para remaja memandang diri mereka dengan cara orang lain memberi anggapan kepada mereka. Mereka akan memberi gambaran yang diberikan oleh orang lain kepada mereka melalui interaksi yang mereka telah lakukan dengan orang lain. Ini dapat dilakukan melalui proses ambil peranan atau menggunakan perspektif orang lain dalam melihat diri sendiri.

#### **ii Teori Ekologi**

Penglibatan dalam aktiviti media massa boleh dilihat melalui Teori Ekologi. Di dalam teori ini kita dapat mengaitkan hubungan yang wujud antara penglibatan dalam aktiviti. Teori Ekologi diperkenalkan oleh Urie Bronfenbrenner (1978, 1989, 1998, 2005) menjelaskan teori ini dapat membantu untuk memahami bagaimana individu berkembang di dalam berbagai lapisan dalam konteks keunikan lingkungan atau ekologi. Teori ini juga membantu dalam memahami bagaimana budaya serta pengalaman sosialisasi membentuk perkembangan individu. Di dalam teori ini juga, jaringan persekitaran diambil kira dalam

kehidupan individu. Setiap manusia terikat dengan setiap konteks yang dilabelkan oleh Brofenbrenner sebagai sistem mikro iaitu merujuk kepada pengalaman dan hubungan sehari-hari manusia dalam konteks asas keluarga dan persekolahan, sistem ekso iaitu setiap individu dan institusi persekitaran yang mempengaruhi individu walaupun tidak terlibat secara langsung dan sistem meso iaitu hubungan antara sistem ekso dengan mikro yang mempengaruhi kehidupan individu. Lingkaran yang paling luas merangkumi semua sistem dikenali sebagai sistem makro yang melibatkan nilai, amalan dan unsur-unsur kebudayaan sesebuah masyarakat yang menyumbang kepada amalan dalam setiap sistem yang melingkari perkembangan individu pelajar.

### **Pernyataan Masalah**

Kemunculan aplikasi media sosial telah menyebabkan pengguna, masyarakat dan organisasi mempunyai akses yang lebih besar ke atas maklumat, jaringan sosial serta medium komunikasi. Malah, kemunculan aplikasi media sosial juga membantu memantapkan lagi proses penyampaian dan perkongsian maklumat secara dalam talian ini. Aplikasi media sosial telah menjadi satu medium penting dalam kalangan pengguna untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih efisien. Pada masa kini, pengguna di Malaysia menggunakan media baharu dan teknologi terkini dalam kehidupan harian untuk kegiatan sosial, ekonomi dan politik. Semakin berkembangnya peralatan teknologi komunikasi, maka penggunaan aplikasi media sosial ini juga pesat berkembang dimana ia membolehkan pengguna untuk membina hubungan dengan berkongsikan maklumat (teks, gambar, audio dan video) serta mengakses maklumat tanpa batasan sempadan.

Andrews (2011) dalam bukunya yang berjudul "*I know who you are and I saw what you did*" menyatakan aplikasi media sosial banyak memberi ruang dan peluang kepada pengguna untuk mencari maklumat serta mengetahui apa aktiviti yang sedang dilakukan atau dilaksanakan oleh seseorang pengguna lain. Selain itu, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti aplikasi media sosial juga memberi kemudahan kepada pengguna untuk berkongsi, mencapai dan menyebar maklumat untuk tujuan tertentu. Ali Salman et al. (2014) juga menyatakan bahawa kebanyakkan pengguna pada hari ini memperolehi banyak manfaat dengan kewujudan pelbagai aplikasi di Internet, antaranya daripada aspek komunikasi, pendidikan, hiburan dan perniagaan.

Aplikasi media sosial dilihat sebagai satu cara berinteraksi secara dalam talian dimana pengguna mempunyai kuasa untuk mencipta, berkongsi, bertukar maklumat dan idea dalam satu jaringan dan rangkaian Internet yang besar (Schiffman & Wisenblit, 2015). Aplikasi media sosial merupakan satu jaringan yang membolehkan pengguna berkomunikasi dan memamerkan maklumat peribadi kepada khalayak umum ataupun pengguna yang lain. Isu yang ingin disuarakan adalah sejauhmana pengguna aplikasi media sosial menyedari maklumat yang dikongsi itu telah dilihat oleh pengguna lain, dikongsi kepada pengguna lain dan disimpan oleh pengguna lain untuk tujuan-tujuan tertentu.

Perubahan proses komunikasi sosial ini menyebabkan interaksi secara bersemuka menjadi semakin terhad kerana sikap selesa masyarakat yang lebih memilih untuk berkomunikasi secara dalam talian melalui pelbagai aplikasi media sosial di Internet. Dalam kita seronok berkomunikasi dan berkongsi

pelbagai maklumat melalui Internet serta aplikasi media sosial, sudah pasti aspek-aspek yang lain seperti keselamatan perlu diberi perhatian untuk mengelak pengguna mendapat kesan yang negatif. Isu keselamatan siber atau keselamatan di Internet sangat berkait rapat dengan perlindungan maklumat dan aset teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap isu keselamatan serta privasi maklumat sewaktu melayari internet dan berinteraksi di aplikasi media sosial perlu diberi perhatian oleh semua pengguna dalam era digital dan revolusi industri 4.0.

Penggunaan medium Internet bukan sahaja mampu membawa impak positif, malah ia boleh memberi impak yang negatif kepada keselamatan pengguna terutamanya golongan belia. Hal ini kerana golongan tersebut lebih terdedah kepada penggunaan Internet dalam aktiviti harian mereka. Sebagai contoh, jenayah siber misalnya banyak melibatkan aktiviti secara dalam talian termasuklah ketika melakukan pembelian secara dalam talian. Antara isu keselamatan di Internet yang lain adalah jenayah yang melibatkan aktiviti seperti kecurian, penipuan, peras ugut dan perlanggaran undang-undang yang sedia ada dengan menggunakan kemudahan peralatan ICT atau teknologi komunikasi melalui saluran Internet.

Dalam aspek ini sebenarnya, seseorang belia atau pengguna boleh mencari maklumat, aktiviti, profil individu lain apabila berhubungan dalam satu jaringan yang besar melalui media sosial (Ansdraws 2011). Dalam hal ini, Fuchs (2012) menyatakan wujudnya konsep pengawasan apabila pengguna saling berhubung antara satu dengan lain melalui aplikasi secara dalam talian, seperti aplikasi media sosial. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada wujudnya konsep pengawasan melalui rangkaian Internet kepada individu atau belia itu sendiri, malah kepada ekonomi, politik dan sosial sebuah negara pada masa akan datang. Allmer (2011) menekankan kepentingan kajian keselamatan dan privasi dalam masyarakat bermaklumat pada masa kini.

Kajian oleh *Get Safe Online* menyatakan bahawa ramai pengguna gemar berkongsi maklumat sensitif peribadi secara dalam talian. Perkara ini akan memberi kesan kepada belia yang kini membina kehidupan meraka dalam persekitaran digital yang dihubung oleh jutaan komputer atau perkakasan mudah alih untuk berkomunikasi melalui sistem rangkaian Internet. Sebenarnya dalam membincangkan tentang aspek keselamatan dan privasi pengguna di laman media sosial, perkara utama yang perlu diketahui ialah bagaimana data, maklumat, gambar dan sebagainya yang dimuat naik di media sosial tidak disalahgunakan oleh pengguna lain.

Pengguna mungkin tidak menyedari atau tidak mengetahui wujudnya pengawasan secara digital atau pengawasan sosial ketika mereka sedang seronok berkongsi maklumat, gambar dan video di dalam media sosial. Ini kerana terdapat pengguna media sosial lain yang tidak bertanggungjawab sentiasa memerhati aktiviti sesetengah pengguna media yang lain untuk kepentingan diri mereka. Sekiranya aspek keselamatan dan privasi maklumat peribadi belia tidak dikaji, kita tidak mempunyai maklumat atau profil dalam memberi kefahaman, pengetahuan serta kesedaran kepada golongan belia untuk menghadapi cabaran jenayah secara dalam talian di Internet melalui pelbagai aplikasi media sosial. Oleh itu, penting untuk memahami penggunaan aplikasi media sosial dan kesedaran golongan belia terhadap keselamatan dan privasi ketika *online* di aplikasi media sosial mereka .

Adakah pengguna menyedari ada pengguna lain sedang memerhati aktiviti mereka sewaktu mereka dalam talian (online) dalam aplikasi media sosial tertentu. Atau adakah pengguna menyedari wujudnya konsep pengawasan secara digital melalui aplikasi media sosial (Fuchs & Trottier, 2015), yang seterusnya membawa kepada kesan yang positif dan negatif kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Kajian impak sosial dari media kepada pelbagai tahap pengguna telah banyak dikaji oleh penyelidik dalam dan luar negara. Contohnya, penyelidik dalam negara seperti Afendi Hamat, Mohamed Amin dan Haslinda (2012), Farrah Dina Yusop dan Melati Sumari (2013) dan Adam Mahamat Helou dan Nor Zairah Ab. Rahim (2014) mengkaji pengguna media sosial dalam kalangan pelajar dan mereka tetapi tidak memberi penekanan dalam aspek pengawasan dan keselamatan maklumat peribadi pengguna. Sebenarnya, proses berinteraksi melalui media sosial tanpa disedari memberi kesan kepada pengguna, antaranya ialah kecurian maklumat peribadi dan identiti oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Lai et al., 2012).

Allmer (2011) menekankan kepentingan kajian pengawasan dalam masyarakat bermaklumat pada masa kini. Media sosial dilihat sebagai aplikasi yang menyedia ruangan sosial kepada pengguna untuk bersosial tanpa mengira waktu dan tempat. Apabila data dan maklumat peribadi dipamerkan dengan mudah sewaktu bersosial secara dalam talian melalui aplikasi media sosial, sudah pasti ia memberi ruang yang luas kepada individu lain untuk membaca, berkongsi dan menyimpan tersebut. Seperti dinyatakan oleh Marwick (2012), pengguna begitu mudah untuk mendapat maklumat peribadi pengguna yang lain melalui aplikasi jaringan sosial seperti Twitter, Facebook dan Foursquare.


Ini menunjukkan pengkaji-pengkaji di atas berpendapat konsep pengawasan telah wujud dalam dunia digital masa kini untuk memantau aktiviti dan seseorang individu atau sesebuah komuniti maya. Maklumat yang mudah untuk dipantau oleh pihak ketiga melalui aplikasi media sosial memberi kesan kepada pencerobohan atau penyalahgunaan maklumat peribadi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kajian ini membantu pengkaji memahami dan mengkaji pengalaman, pengetahuan dan kesedaran golongan dewasa berkaitan keselamatan dalam aplikasi media sosial dalam kehidupan harian mereka.

Golongan pelajar telah dilihat sebagai salah satu daripada pengguna tegar aplikasi media sosial serta mereka bakal tinggal dalam kehidupan digital pada akan datang. Ini adalah kerana Milton & Ramakrishnan (2014) menyatakan bahawa pengguna aplikasi di Internet seperti media sosial kebanyakannya terdiri dalam kalangan umur 18-34 tahun. Oleh itu, isu dan konsep pengawasan melalui aplikasi media sosial harus dibincangkan untuk mengenalpasti kesedaran golongan belia luar bandar di Daro, Sarawak kerana belum lagi kajian di kawasan ini dibuat. Selain itu, kajian ini memberi keutamaan kepada pelajar di luar bandar yang aktif dengan penggunaan pelbagai aplikasi-aplikasi media sosial yang popular pada masa kini seperti Facebook, Instagram, Whatsapp dan sebagainya.

### **Tujuan kajian**

Kajian ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar luar bandar. Selain itu, kajian ini juga ingin meninjau tahap kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan pelajar luar bandar sewaktu menggunakan media sosial.

## Kerangka Konseptual



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian daripada adaptasi Model TAM dan Teori Ekologi.

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan signifikan antara penggunaan media sosial dan isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan pelajar luar bandar di Daerah Daro. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang terdiri daripada satu konstruk iaitu jenis media sosial. Kerangka ini dibina berdasarkan konstruk-konstruk yang berkaitan dengan jenis media sosial dilihat dari segitahap, perbezaan keseluruhan konstruk berdasarkan jantina serta mengenalpasti sejauh mana belia luar bandar Daerah Daro mengetahui tentang isu keselamatan. Selain itu, konsep ini dibina berdasarkan konstruk-konstruk yang berkaitan dengan jenis media sosial dilihat dari segi tahap, hubungan keseluruhan konstruk berdasarkan jantina serta mengenalpasti sejauh mana sumbangan pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini terhadap pemilihan jenis media sosial dalam kalangan belia luar bandar Daerah Daro.

### Metodologi

Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk menilai sejauh mana pemilihan jenis media sosial serta kesedaran dan keselamatan belia luar bandar Daerah Daro Sarawak. Pemilihan kaedah ini adalah paling sesuai kerana untuk mengumpulkan data tentang populasi berdasarkan sampel yang dipilih, kaedah tinjauan menggunakan soal selidik adalah paling sesuai. Tujuan kajian tinjauan juga adalah untuk menghuraikan ciri-ciri sebuah populasi agar kajian dapat dilaksanakan.

### Sampel

Bilangan sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 100 orang belia di Daerah Daro. Kedua-dua jantina melibatkan diri dalam kajian ini. Responden terdiri dari kebanyakkan berlatarbelakangkan etnik melanau. Responden diminta mengisi borang soal selidik yang telah diedar oleh penyelidik dan pengguna yang menggunakan borang soal selidik dalam lingkungan umur 15-40.

## **Soal Selidik**

Instrumen kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini diubah suai dari soal selidik American Time Use Survey yang mengandungi soalan-soalan berkenaan penggunaan media sosial dan isu pengawasan dan keselamatan yang akan dijawab oleh penduduk luar bandar yang mempunyai gajet. Soal selidik yang sama juga akan digunakan bagi mengenalpasti isu keselamatan dan kesedaran mereka tentang keselamatan. Kajian rintis telah dilakukan lebih awal terhadap 40 orang responden. Hasil analisis menggunakan Cronbach Alpha terhadap data kajian rintis menunjukkan nilai 0.70 manakala nilai bagi isu kesedaran adalah ialah 0.68.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS V22, dengan menggunakan statistik deskriptif, iaitu kekerapan, min serta sisihan piawai dan ujian korelasi Pearson. Satu set soal selidik telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada kerangka konseptual kajian dan set soal selidik pengkaji-pengkaji lepas. Konstruk bagi membentuk set soalan instrumen adalah berdasarkan rujukan kajian literatur bagi tujuan kajian ini dilakukan serta berdasarkan kerangka konseptual tersebut. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C.

- I. Bahagian A: Latar Belakang
- II. Bahagian B: Penggunaan media sosial
- III. Bahagian C: Isu kesedaran dan pengawasan keselamatan media sosial

Bahagian A mempunyai 3 item yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan responden iaitu jantina, umur dan latar belakang. Bahagian B pula terdapat satu konstruk yang terbahagi kepada 9 item untuk melihat penggunaan media sosial. Manakala Bahagian C pula untuk menguji tentang isu kesedaran dan pengawasan keselamatan media sosial. Asas dalam membina item-item ini berdasarkan kepada hasil rujukan yang dibuat terhadap kajian-kajian lepas seperti yang telah dinyatakan. Responden akan menandakan pilihan mengikut skala berdasarkan penilaian yang telah ditetapkan di dalam instrumen soal selidik. Semua soal selidik menggunakan skala Likert 5 pilihan seperti di dalam jadual 1 .

Jadual 1 : Skor Item Soal Selidik

<b>Skala</b>	<b>Pandangan responden</b>
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Sederhana
4	Setuju
5	Sangat setuju

Pembinaan instrumen soal selidik adalah hasil kajian-kajian lepas yang terdapat dalam sorotan literatur bersesuaian dengan konteks kajian. Kaedah ini sesuai digunakan pada sampel kajian kerana mereka tidak akan menghadapi tekanan semasa menjawab soalan, malah mereka juga bebas untuk menjawab soal selidik pada waktu lapang. Selain itu, antara kelebihan instrumen ini untuk kutipan data adalah membantu penyelidik untuk mencapai responden yang berada di lokasi yang jauh serta memerlukan kos yang sedikit berbanding pengumpulan data dengan kaedah yang lain

Ketika menjalankan proses pengumpulan data, penyelidik akan merujuk kepada bilangan sampel mengikut jenis sampel yang telah ditetapkan dalam kajian. Kriteria sebagai responden perlu diikuti dengan bertanya kepada responden terlebih dahulu berkaitan dengan umur, jangka masa menggunakan Internet dan media sosial bagi memastikan sampel bertepatan dengan skop kajian yang telah ditetapkan diperingkat awal. Sekiranya responden menepati kriteria atau ciri yang telah ditetapkan, maka borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian.

Soal selidik ditadbir dengan menggunakan borang soal selidik kepada pelajar di sekolah. Urusan mengedar dilakukan penyelidik melalui borang dan diedar kepada kumpulan telegram, whatsapp dan emel. Proses pengedaran dan pengumpulan soal selidik dilakukan untuk tempoh 4 minggu. Kesahan soal selidik turut ditentukan menggunakan kaedah nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor dan menggunakan nilai korelasi item yang diperbetul dengan jumlah skor (Corrected Item-Total Correlation). Hal ini dapat dilakukan dengan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk yang berkenaan. Kaedah ini adalah bertepatan dengan teori yang diutarakan oleh Nunally (1978).

Jadual 3 : Kebolehpercayaan item Cronbach's Alpha

Reliability Statistics		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.750	.695	22

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 100 orang belia luar bandar Daerah Daro Sarawak. Bilangan responden telah dibahagikan mengikut jantina seperti dalam Jadual 1.

Aspek	N	%
Jantina	46	46
Perempuan	54	54

Jadual 1 : Demografi Responden

Berdasarkan jadual 1 di atas menunjukkan profil responden kajian telah menunjukkan bahawa jumlah responden mengikut jantina iaitu responden pelajar lelaki adalah seramai 46 orang dengan 46% manakala responden pelajar perempuan adalah seramai 54 orang dengan 54%. Responden ini merupakan belia luar bandar di Daerah Daro. Kebanyakan responden bumiputera Sarawak (Melanau) kerana kebanyakan lokasi kajian terdiri daripada masyarakat Melanau yang mendiami kawasan Daro.

Aspek	N	%
Umur	51	51

21-25	22	22
26-30	15	15
31-35	8	8
36-40	4	4

Jadual 2 : Umur Belia

Kebanyakkhan belia yang diagihkan soalan adalah mereka yang mempunyai telefon pintar dan menggunakan gajet teknologi. Pelajar yang dipilih kebanyakkhan yang berasal dari Daro dalam lingkungan umur 15-40 tahun. Seramai 100 orang responden telah dipilih. Kebanyakhan yang kerap menjawab soalan secara *online* dengan tinggi adalah 51 orang yang terdiri daripada lingkungan umur 15-20 tahun dan yang paling sedikit responden yang menjawab adalah dalam lingkungan 36-40 tahun seramai 4 orang yang kebanyakhan responden yang berumur ini memberi alasan tiada masa masa untuk menjawab soalan tersebut.

### **Analisis Statistik Deskriptif**

Kajian ini menunjukkan dapatan terhadap tahap pengetahuan media sosial berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Selain itu, kajian juga mengukur tahap pengetahuan berkaitan isu keselamatan dan pengawasan dalam media sosial. Analisa statistik deskriptif melibatkan frekuensi (kekerapan) peratusan dan skor min telah digunakan dalam menghuraui secara keseluruhan konstruk bagi soal selidik. Interpretasi skor min bagi dapatan boleh dirujuk berdasarkan jadual berikut dan soalan yang diberi.

Jadual 2 : Skala interpretasi skor min	
Skala	Interpretasi
3.37-500	Tinggi
1.69-3.36	Sederhana
0.01-1.68	Rendah

Jadual 3: Interpretasi nilai tahap min		
Tahap	Min ( $\mu$ )	
1	Sangat rendah	1.00-1.80
2	Rendah	1.81-2.60
3	Sederhana	2.61-3.40
4	Tinggi	3.41-4.20
5	Sangat tinggi	4.21-5.00

(Sumber : Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999)

Jadual frekuensi dibuat untuk melihat penggunaan media sosial dalam kalangan belia. Selain itu, pengkaji juga menunjukkan skala interpretasi skor min dan interpretasi tahap min untuk menilai skala skor min. Pengkaji menggunakan ujian korelasi untuk melihat isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan belia luar bandar di Daerah Daro.

### **Jadual 4: Jadual frekuensi Penggunaan media sosial dalam kalangan belia luar bandar.**

#### 1. Jumlah media sosial yang dimiliki oleh individu

Jenis	Media sosial	N	%
2		70	70.0
3		10	10.0
4		11	11.0

melebihi 5	9	9.0
<b>2. Rutin ketika melayari laman sosial</b>		
Bilangan aktiviti	N	%
2	39	39.0
3	17	17.0
4	22	22.0
melebihi 5	22	22.0
<b>3. Kekerapan menggunakan laman sosial dalam sehari</b>		
Bilangan jam	N	%
1-2	5	5.0
3-4	27	27.0
5-6	25	25.0
melebihi 7	43	43.0
<b>4. Aplikasi media sosial pilihan anda</b>		
Jenis	N	%
Facebook	39	39
Twitter	49	49
Blogging	12	12
<b>5. Kebergantungan dengan laman sosial untuk menjalani hidup</b>		
Jenis	N	%
Ya	9	9.0
Tidak	91	91
<b>6. Perasaan anda ketika mendapat perhatian tentang perkara yang dikongsi</b>		
Jenis	N	%
Bangga	3	3.0
Gembira	27	27.0
Rasa dihargai	23	23.0
Tidak kisah	47	47.0
<b>7. Tujuan melayari internet/media sosial</b>		
Jenis	N	%
Satu	39	39.0
2 aktiviti	17	17.0
3 aktiviti	22	22.0
4 aktiviti	22	22.0

Berdasarkan jadual 4 di atas rumusan berkaitan penggunaan belia berkaitan media sosial yang dibuat oleh responden. Berdasarkan soalan 1, responden kebanyakkan memiliki jenis media sosial paling tinggi sebanyak 70 orang iaitu memiliki 2 jenis media sosial. Selain itu, sebanyak 9 orang responden memiliki 4 jenis media sosial dalam alam maya. Soalan 2 pula untuk mengetahui rutin yang dilakukan oleh responden untuk menjawab soalan. Sebanyak 39 orang responden melakukan aktiviti dalam media sosial dan melakukan aktiviti paling maksimum sebanyak 2 aktiviti misalnya *like* atau *comment* dalam media sosial. Mereka menggunakan media sosial untuk tujuan utama seperti berhubung dengan rakan-rakan,

berkomunikasi dengan ahli keluarga, mencari maklumat umum, menggunakan internet untuk menggunakan aplikasi chat, berkongsi maklumat dengan pengguna lain, muat naik/upload gambar dan video, serta untuk tujuan hiburan seperti muat turun/download video dan audio.

Sebanyak 43 orang daripada responden juga menggunakan media sosial melebihi 7 jam. Ini membuktikan belia pada hari ini mengguna secara optimum aplikasi media sosial dalam kehidupan harian mereka. Aplikasi media yang paling mendapat sambutan ialah Facebook sebanyak 49 orang berbanding media sosial yang lain. Responden juga dilihat tidak terlalu bergantung dalam media sosial seramai 91 orang. Mereka ini tidak kisah dalam sehari mereka menggunakan Internet atau tidak. Ini kerana capaian internet yang sangat terhad di luar bandar Daerah Daro dan keadaan elektrik yang tidak konsisten dan selalu terputus hubungan mungkin adalah alasan kepada kebergantungan internet ini. Selain itu, seramai 47 orang tidak mengambil kisah akan perhatian dalam perkongsian yang mereka lakukan dalam media sosial. Kebanyakkaan responden seramai 39 orang melakukan satu tujuan sewaktu melayari media sosial misalnya untuk mendapatkan hiburan, menambah kenalan, tujuan pendidikan, perniagaan dan sebagai bergantung kepada kecederungan seseorang individu tersebut.

Kebanyakkan pengguna gemar berkongsi maklumat peribadi di media sosial tanpa mengambil inisiatif untuk melindunginya. Ancaman terhadap keselamatan maklumat peribadi melalui rangkaian Internet merupakan isu penting kerana ia membolehkan pengguna berada dalam keadaan berisiko tinggi tanpa mereka sedari. Selain itu, Goldsmith dan Wu (2008) juga menyatakan, siapakah sebenarnya yang mengawal Internet dalam dunia digital dan tanpa sempadan pada masa ini? Dalam aspek ini sebenarnya, seseorang pengguna boleh mencari maklumat, aktiviti, profil individu lain apabila berhubungan dalam satu jaringan yang besar melalui media sosial (Ansdraws, 2011). Dalam hal ini, Fuchs (2012) menyatakan wujudnya konsep pengawasan apabila pengguna saling berhubung antara satu dengan lain melalui aplikasi secara dalam talian, seperti aplikasi media sosial. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada wujudnya konsep pengawasan melalui rangkaian Internet kepada individu atau pengguna itu sendiri, malah kepada ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara.

**Jadual 5 : Skor min dan sisihan piawai isu pengawasan dan keselamatan media sosial**

Item	n	M in	Sisihan piawai	interpretasi
Saya sedar mengenai kemunculan iklan dan promosi yang ditawarkan hasil daripada maklumat pembelian secara dalam talian saya yang lepas.	100	1.54	.500	Sangat rendah
Saya mengetahui mengenai risiko keselamatan maklumat peribadi yang boleh di salah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.	100	3.43	.807	Tinggi
Saya sedar bahawa kegusaran mengenai isu privasi maklumat peribadi menjadi penghalang kepada proses sosial dalam talian	100	4.14	.89916	Tinggi
Saya tahu mengawal sendiri tetapan privasi dan maklumat peribadi dalam media sosial	100	3.83	.88825	tinggi
Saya maklum mengenai iklan dan promosi palsu yang ditawarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.	100	4.01	.83479	tinggi
Saya lebih berhati-hati apabila memuat naik gambar atau video melalui media sosial	100	3.80	.98473	tinggi

Saya selalu memberi data peribadi saya melalui media sosial tanpa merasa syak wasangka apabila diminta	100	4.36	.81054	Sangat tinggi
Saya sedia maklum dengan capaian pihak ketiga terhadap maklumat peribadi saya melalui media sosial	100	1.80	.86457	Sangat rendah
Saya mengetahui bahawa terdapat ciri-ciri keselamatan dalam internet yang boleh mengesahkan serta mengenal pasti maklumat peribadi pengguna	100	3.06	1.05237	sederhana
Saya tidak mempunyai masalah untuk memberikan maklumat peribadi saya ketika membeli produk secara talian	100	3.67	.80472	Tinggi
Saya selalu memuat turun lagu atau video melalui media sosial dan sedar tindakan tersebut mendedahkan kepada kebocoran data peribadi	100	2.67	1.03529	Sederhana
Saya tahu gambar saya di media sosial boleh dieksplotasi atau disalah gunakan oleh orang lain	100	2.52	.90431	Rendah
Saya sedia maklum dengan isu-isu keselamatan maklumat peribadi di internet dan laman sosial	100	3.62	1.08971	Tinggi
<b>SKORMIN KES ELURUHAN</b>	<b>100</b>		<b>3.7800</b>	<b>Tinggi</b>
			<b>.98041</b>	

Keseluruhan aspek isu pengawasan dan keselamatan adalah menunjukkan tinggi. Berdasarkan jadual 5, data menunjukkan tahap isu keselamatan dan pengawasan mereka dari kedua-dua jantina ( $\text{min}=3.78$  sp  $0.98041$ ). Ini menunjukkan kesejahteraan fizikal secara keseluruhannya pada tinggi dan ini menunjukkan bahawa belia luar bandar di Daerah Daro telah mengetahui tahap isu keselamatan dan pengawasan media sosial. Ini menunjukkan bahawa mereka telah memahami aktiviti dan isu pengawasan dan keselamatan apabila mereka melayari laman sosial. Mereka juga telah faham tentang isu ini. Walau bagaimana pun, ada juga soalan yang menunjukkan min lemah iaitu ( $\text{min}=2.52$ , sp = .90431) iaitu item Saya tahu gambar saya di media sosial boleh dieksplotasi atau disalah gunakan oleh orang lain. Soalan ini menunjukkan bahawa mereka tidak mengetahui apabila gambar mereka dimuat naik akan menyebabkan mereka terdedah dengan eksplotasi gambar mereka.

### Analisis Inferensi

Ujian Korelasi Pearson

Jadual 7: Hubungan Pemilihan media massa dan isu pengawasan dan keselamatan media sosial

Pemboleh Ubah	Media massa			Isu Keselamatan		
	R	Sig.	Interpretasi	R	Sig.	Interpretasi
Media massa	1	-	-	.083	.414	rendah
Isu keselamatan	.083 **	.414	Rendah	1	-	-

Jadual 7 menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang lemah antara penggunaan media sosial dan isu pengawasan dan keselamatan. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor atau konstruk tersebut mempunyai hubungan lemah di antara satu sama lain. Hubungan korelasi menunjukkan kekuatan hubungan yang lemah antara pemilihan penggunaan media sosial dan isu pengawasan dan keselamatan (nilai  $r = 0.083$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p>0.01$ ).

### **Cadangan**

- a) Sampel kajian perlu ditingkatkan untuk memastikan data yang lebih baik
- b) Skop kajian perlu dikecil dan lebih menumpu supaya data yang lebih baik dapat diperolehi serta meningkatkan jumlah responden dengan lebih meluas dari segi umur dan etnik. Selain itu Bahagian B diperincikan dan dipelbagaikan untuk melihat faktor dan kecenderungan pemilihan penggunaan media sosial.
- c) Responden harus diterangkan tentang skop kajian yang dibuat supaya responden tidak menjawab sesuka hati sahaja.(ketelusan dalam jawapan)
- d) Pengkaji boleh membuat lebih fokus seperti pemilihan terus media sosial untuk melihat keputusan lebih tepat.

### **Rumusan**

Secara amnya dalam kajian ini, isu pengawasan dan keselamatan berkaitan media sosial dalam kalangan belia luar bandar daro di tahap tinggi. Mereka telah mengetahui bahawa jika mereka sentiasa diawasi berkaitan dengan keselamatan mereka . Ini kerana pendedahan yang meluas dari media sosial. Penggunaan media sosial oleh remaja khususnya golongan pelajar masih dalam terkawal kerana kebanyakan telefon pintar yang digunakan oleh mereka dimiliki oleh ibu bapa. Kebanyaakkan responden yang terdiri daripada pelajar kebanyakannya terdiri daripada latar belakang pekerja kerajaan dan peniaga di kawasan Daro ini. Pengawasan terus boleh dilakukan oleh ibu bapa. Selain itu, faktor luar bandar masih dilihat sebagai faktor kenapa faktor ini tidak dipandang begitu serius keran ketidakmampuan ibu bapa untuk menyediakan telefon kepada anak mereka kerana hampir separuh dari penduduk luar bandar Daro ini bekerja sebagai buruh dan sebilangan kecil pula sebagai penjawat awam.

Responden belia yang menjawab juga adalah terdiri daripada pelajar kolej dan universiti dan menunjukkan bahawa mereka telah tahu dan cuba mengetahui tentang betapa bahaya pendedahan berkaitan butir diri sendiri hasil daripada pembacaan mereka dan pengetahuan mereka dengan isu semasa. Justeru itu, seorang belia itu harus bijak memilih jenis media sosial yang sesuai untuk mereka dan mengambil positif kebaikan media ini. Selain itu, pengawasan melalui media sosial membolehkan pengguna yang lain mengetahui status terkini rakan, ahli keluarga atau individu yang dikenali dengan cepat dan pantas. Selain dari itu, pengguna juga lebih risau tentang keselamatan diri mereka, ahli keluarga serta harta benda. Mereka risau sekiranya maklumat yang dikongsi didalam aplikasi media sosial memberi maklumat kepada pihak-pihak tertentu untuk aktiviti yang tidak baik seperti pecah rumah, penculikan dan sebagainya.

Kesan kepada psikologi pengguna untuk menjauhi diri dari berkongsi atau menghantar apa-apa maklumat melalui aplikasi media sosial. Mereka juga akan merasa tertekan dan menyebabkan tahap penerimaan dan penggunaan aplikasi media sosial akan menurun atau terganggu. Oleh itu, kajian ini memberi hasil dapatan yang penting untuk mengetahui tujuan dan implikasi penggunaan aplikasi media sosial dalam kalangan pelajar universiti dari perspektif pengawasan sosial. Kajian sebegini akan memberi implikasi dalam aspek keselamatan Internet, privasi maklumat, kepentingan literasi media dan teknologi baru dalam kalangan pengguna. Selain itu, penggunaan kaedah kualitatif yang digunakan dapat menjelaskan dengan lebih lanjut kefahaman dan kesedaran pengguna terhadap isu pengawasan melalui aplikasi media sosial yang digunakan dengan meluas di Malaysia.

Kajian ini memberi dapatan yang cukup baik dan penting untuk membentuk satu rangka kerja atau membina model untuk mengkaji dalam skop yang lebih besar melalui kaedah kuantitatif pada masa akan datang. Isu pengawasan melalui aplikasi media merupakan aspek yang perlu diberi perhatian kepada semua pengguna. Pengguna mungkin tidak menyedari wujudnya pengawasan secara digital atau pengawasan sosial sewaktu mereka berada di dalam sesuatu media sosial untuk berkongsi isi hati, pendapat, ilmu dan sebagainya dengan niat untuk bersosial. Pengguna harus berwaspada dan berhenti seketika untuk dari lamunan kerancakan berinteraksi dan berkomunikasi untuk berfikir sejenak tentang isu ini kerana “CCTV atau kamera bergerak” mungkin digunakan untuk mengawasi atau mendapat maklumat tertentu pada masa kini, kamera ini tidak lagi diletak pada dinding sesebuah bangunan tetapi telah berada pada tangan 1.63 bilion pengguna telefon pintar di dunia.

## RUJUKAN

- Mohd Azul Mohamad Salleh Nurul Madiha Mohd Ilham.2017. Pengalaman dan Kesedaran Pengguna Dewasa Terhadap Isu Pengawasan di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi* Jilid 33(1): 502-512.
- Chun Meng Tang , Miang Hong Ngerng. M.A Mohamad Salleh & N.M Mohd Ilham.2015. How Do Students Select Social Networking Sites? An Analytic Hierarchy Process (AHP) Model . *International Journal of Cyber Society and Education* Vol. 8, (2): 81-98
- Van-Dat Tran &Ngoc Doan Trang Huynh.2015. Exploring The Relationships Among Social Benefits, Online Social Network Dependency, Satisfaction, And Youth's Habit Formation. *International Journal Of Cyber Society And Education*. Vol. 8 (2) : 99-114.
- Primada Qurrota Ayun Dosen.2015.Fenomena Remaja Menggunakan Media Sosial dalam Membentuk Identitas. SSN: 23389176 Channel, Oktober 2015,.Diterbitkan oleh Program Studi Ilmu Komunikasi Vol. 3(2): hal. 1-16
- Hamdan, A., Din, R., Abdul Manaf, S.Z., Mat Salleh, N.S., Kamsin, I.F. and Ismail, N.M. 2010. Exploring The Relationship Between Frequency Use Of Web 2.0 And Meaningful Learning Attributes.*Australasian Journal of Educational Technology* .26(1), 28-43
- Mark J. W. Lee Charles Sturt .2010. Personalised and self regulated learning in the Web 2.0 era: International exemplars of innovative pedagogy using social software. *Australasian Journal of Educational Technology* .26(1), 28-43
- M. Jamiah, H. M. Rezal Hamzah, A. A.Sofia & at.el.2016. Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi International Conference On Social And Economic

Development(ICSED)

[https://www.researchgate.net/publication/309668766\\_Penggunaan\\_dan\\_Implikasi\\_Media\\_Sosial\\_Terhadap\\_Remaja\\_Generasi\\_Z](https://www.researchgate.net/publication/309668766_Penggunaan_dan_Implikasi_Media_Sosial_Terhadap_Remaja_Generasi_Z) [accessed Jul 22 2018]. 1-3 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu.

- Engr. Rusdi Rusli.2013. Penggunaan Facebook Sebagai Medium Kesedaran Keselamatan Lalulintas di Kalangan Pelajar Semester 4, Diploma Kejuruteraan Awam, Politeknik Kota Kinabalu,Sabah Proceeding CiE-TVET 2013. 2 - 3 September.
- M.Hamdan H.Adnan.2017. Perlakuan Pengguna Penjawat Awam Sabah Dan Penggunaan Internet Jurnal Komunikasi Borneo.vol 5:\_\_\_\_\_
- M.Afifi bin M.S.H &N.H N. Mazlan.2018. Profil Dan Kecenderungan Penggunaan Internet Di kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu. e-Proceedings National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'18):\_\_\_\_\_
- Zaidatun Tasir, \*Jacquelin S. Linggu & Jamalludin Harun.2011. Penggunaan Alat Rangkaian Sosial di kalangan Pelajar di sebuah IPTS di Kota Kinabalu, Malaysia .Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia Jilid 1:\_\_\_\_\_
- A.H Norsiah,J.M.Sobhi,& M.Y Siti Syamsul Nurin. \_\_\_\_\_. Facebook, YouTube and Instagram: Exploring Their Effects on Undergraduate Students' Personality Traits Page.*The Journal of Social Media in Society*.4(2) : 138-161.
- A.LLatifah.B.Jusang. A.G.Akmar Hayati.2014. The Usage Of Facebook Functional Building Blocks In Unisel. Journal of technso Socia. Vol .6. ISSN 222908940.
- Ika.D, A. Salman& M.Helmi A.R.2013. Penerimaan Media Sosial : Kajian dalam kalangan Pelajar Universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 29(2): 125-140.